

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 10 OGOS 2023  
AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 24

## IMT-GT kolaborasi tiga negara urus sumber lestari

IPOH - Pertumbuhan Segitiga Indonesia, Malaysia dan Thailand (IMT-GT) menjadi platform penting untuk tiga negara berkolaborasi menguruskan sumber dan alam sekitar secara lestari.

Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad berkata, perkara itu menjadi sebahagian strategi utama yang menjadi tumpuan ketiga-tiga negara tersebut.

Menurutnya, strategi itu turut melibatkan usaha meningkatkan dan melaksanakan Inisiatif Bandar Hijau di seluruh sub-wilayah negara-negara yang terlibat, selain memperkukuhkan kerjasama dalam pengurusan dan pemulihan ekosistem di kawasan bersempadan.

"Bila kita kata akan melakukan

pengurusan secara lestari dalam aspek-aspek itu sama ada air, hutan dan sebagainya, ia memerlukan pertamanya ialah kerjasama di antara ketiga-tiga negeri ini dan perlu ada kefahaman bersama. Contohnya, jika berlaku jerebu, ia akan menjejaskan keseluruhan kita, jadi sebab itu memahami cara kaedah pengurusan hutan itu penting.

"Jadi itu contoh kita katakan bagaimana kolaborasi bagi ketiga-tiga segi tiga ini sangat penting dan berlaku sejak sekian lama, bukan jerebu sahaja, kita di bawah khatulistiwa yang sama, hutan pun hutan yang sama," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Kerjasama Hijau Sub Wilayah Indonesia-Malaysia-Thailand kali ke-6 di sini pada Rabu.

Hadir sama, Ketua Delegasi Kerajaan



Saarani (tengah) bersama Sakorn Thongmune (kanan) dan Ahmad Menghadiri Mesyuarat Majlis Kerjasama Hijau Sub Wilayah Indonesia-Malaysia-Thailand kali ke-6 di Ipoh pada Rabu.



Saarani (dua dari kiri) ketika sidang akhbar selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Kerjasama Hijau Sub Wilayah Indonesia-Malaysia-Thailand kali ke-6 di Ipoh pada Rabu.

Thailand, Leftenan Jeneral Polis Sakorn Thongmune; Ketua Delegasi Republik Indonesia, Ahmad dan Datuk Bandar Ipoh, Datuk Rumaizi Baharin.

Saarani berkata, objektif utama mesyuarat itu diadakan ialah untuk menyelia dan memantau kemajuan Rangka Kerja Pembangunan Bandar Lestari (SUDF).

Katanya, mesyuarat juga bertujuan menangani pelbagai cabaran alam sekitar dan sosial dengan menggalakkan pengurusan sumber bertanggungjawab, mengurangkan pencemaran dan sisa serta memupuk masyarakat yang lebih saksama dan berdaya tahan.

Jelasnya, kesimpulan dan dapatan diperoleh daripada mesyuarat akan diumumkan pada Forum Ketua Menteri dan Gabenor, yang akan diadakan pada 27

September 2023 di Batam, Indonesia.

Sementara itu, Saarani menyifatkan IMT-GT turut memberikan manfaat kepada negeri Perak bagi mempromosikan Tahun Melawat Perak 2024.

"Kita bersempadan dengan Indonesia dan Thailand, jadi kita ambil kesempatan atau peluang perjumpaan ini untuk kita mempromosikan Perak sekarang-kurangnya kepada jiran kita Indonesia dan Thailand.

"Waktu yang sama juga tahun 2023 hingga 2025 adalah tahun melawat IMT-GT, jadi kita kolaborasi antara satu sama lain dan kita harap dapat membantu mempromosikan Malaysia apatah lagi Perak tahun depan kita Tahun Melawat Perak," katanya.